KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	3/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	PERHILTAN			

Rumah Orang Asli musnah dirempuh gajah liar

utusan 3.1.2022_29

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

JERANTUT: Sebuah rumah penduduk Orang Asli etnik Bateq di Kampung Yong berdekatan Taman Negara Kuala Tahan dekat sini, musnah selepas dirempuah seokor gajah liar semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 11 malam itu turut mengejutkan penduduk yang sudah tidur apabila terdengar bunyi yang kuat dari arah sebuah rumah yang dirempuh haiwan itu.

Selain rumah, banyak barangan lain turut musnah selain makanan di dapur berselerak serta beberapa pokok buah-buahan ditumbangkan.

Difahamkan penduduk Orang Asli etnik Bateq Kampung Yong terdiri antara 40 hingga 60 orang daripada 15 buah keluarga menetap di situ di samping ketika kejadian itu ada segelintir daripadanya berpindah ke tempat lain.

Seorang penduduk Orang Asli etnik Bateq, Boyong Boyong, 40-an, berkata, seorang rakan ternampak seekor gajah mula menceroboh lalu memberitahu supaya kami keluar bersama keluarga lari menyelamatkan diri masing-masing.

"Ancaman gajah ini menyebabkan sebuah rumah penduduk rosak, banyak peralatan serta barang dapur (makanan) berselerak di atas tanah di samping meninggalkan ketulan najis selepas haiwan ini beredar kembali ke hutan," katanya di Kampung Yong dekat sini semalam.

Menurut Boyong, kejadian tersebut berlaku tiga malam berturut-turut, manakala kira-kira pukul 11 malam semalam antara ancaman paling teruk dan menakutkan penduduk di situ.

"Kejadian ini menyebabkan habis harta benda termasuk rumah kami rosak sehingga terpaksa berpindah ke kawasan berdekatan seberang Sungai Tembeling dengan membina pondok sementara untuk mengelakkan gangguan gajah liar ini," ujarnya.



SEBUAH rumah Orang Asli etnik Bateq rosak akibat dirempuh seekor gajah liar di Kampung Yong berdekatan Taman Negara Kuala Tahan di Jerantut, Pahang. – FOTO IHSAN PENDUDUK KAMPUNG YONG